

**FORMAT PENYERTAAN**

**PERTANDINGAN MEREKACIPTA WATAK  
DAN  
PAPAN CERITA UNTUK  
ANIMASI PENDEK NEGERI MELAKA  
2008**

Di sediakan oleh:



**ANDA SEORANG YANG KREATIF DAN BERBAKAT DI DALAM LUKISAN ?**  
**PERTANDINGAN MEREKACIPTA WATAK DAN PAPAN CERITA UNTUK**  
**ANIMASI PENDEK NEGERI MELAKA 2008**

**1. *Latarbelakang***

Pertandingan yang dianjurkan ini bertujuan untuk mencungkil bakat serta memberi peluang kepada orang ramai terutamanya penduduk Melaka untuk mengeluarkan idea yang menarik di dalam menghasilkan dan merekacipta watak dan menghasilkan animasi pendek untuk projek animasi Melaka.

**2. *Penganjur***

Pertandingan merekacipta watak dan papan cerita untuk animasi pendek ini dianjurkan oleh Kerajaan Negeri Melaka melalui ***Melaka ICT Holdings Sdn. Bhd. (MICTH)***.

**3. *Majlis Penyampaian Hadiah Program Animasi Melaka oleh YAB  
Ketua Menteri Melaka***

Majlis penyampaian hadiah utama akan diadakan pada 27 Disember 2008 yang akan disempurnakan oleh Ketua Menteri Melaka di Rumah Media Melaka.

#### 4. *Syarat-syarat dan Peraturan Pertandingan*

- a. Penyertaan adalah percuma.
- b. Pertandingan merekacipta watak dan papan cerita untuk animasi pendek ini akan diadakan pada :

<b>TARIKH</b>	<b>MASA</b>	<b>TEMPAT</b>
11 OKTOBER 2008 ( SIRI 1 )	8.00 PAGI	RUANG LEGAR RUMAH MEDIA MELAKA LINGKARAN MITC 75450 AYER KEROH MELAKA
25 OKTOBER 2008 ( SIRI 2 )	8.00 PAGI	
8 NOVEMBER 2008 ( SIRI 3 )	8.00 PAGI	
22 NOVEMBER 2008 ( SIRI 4 )	8.00 PAGI	
13 DISEMBER 2008 ( SIRI 5 )	8.00 PAGI	
20 DISEMBER 2008 (SIRI 6)	8.00 PAGI	
27 DISEMBER 2008 (PENYAMPAIAN HADIAH UTAMA)	8.00 PAGI	

\* SEBARANG PINDAAN AKAN DIBERITAHU KELAK.

- c. Peserta dikehendaki mendaftar secara 'online' di laman web :  
[www.micth.com/animasi\\_melaka08](http://www.micth.com/animasi_melaka08) bermula daripada 05 September 2008.
- d. Semua pendaftaran mestilah dibuat sekurang-kurangnya tiga hari sebelum siri pertandingan.
- e. Segala kos penginapan dan pengangkutan adalah ditanggung oleh peserta.
- f. Masa yang diberikan untuk melukis watak dan papan cerita adalah selama 5 jam.
- g. Peserta boleh merekacipta apa saja watak dan menghasilkan papan cerita untuk animasi pendek yang dirasakan sesuai untuk projek animasi Negeri Melaka.
- h. Peserta mestilah menghasilkan sekurang-kurangnya 2 watak manakala jumlah maksimumnya adalah 5.
- i. Seorang peserta boleh menyertai seberapa banyak siri pertandingan yang dianjurkan tetapi hanya berpeluang untuk memenangi satu sahaja hadiah untuk keseluruhan 6 siri tersebut.
- j. Kategori

Terdapat dua kategori penyertaan:

- a. Kategori IPTA/IPTS ( seluruh Malaysia )

- Terbuka kepada pelajar-pelajar yang masih menuntut di IPTA/IPTS di Malaysia ( Pelajar dikehendaki menyertakan surat akuan belajar daripada pihak IPTA/ IPTS atau kad pelajar sewaktu hadir ke pertandingan ini.)

- b. Kategori Terbuka

- Terbuka kepada orang ramai yang menetap atau bekerja di Negeri Melaka sahaja.

- k. Watak dan jalan cerita untuk animasi pendek yang dipertandingkan mestilah asli / tulen dan bukan diambil dari mana-mana sumber.
- l. Peserta bertanggungjawab sepenuhnya terhadap penyertaan yang dihantar. Pihak penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap tindakan undang-undang yang dikenakan sekiranya berlakunya peniruan karya.
- m. Pihak penganjur berhak membatalkan / menolak penyertaan yang tidak mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan.
- n. Peserta dikehendaki merekacipta watak / Karektor dengan pelbagai pandangan di atas sekeping kertas bersaiz A3 yang disediakan oleh pihak penganjur. Berikut merupakan keperluan yang dikehendaki : .

- i. **Nama watak**
- ii. **Pandangan Hadapan**
- iii. **Pandangan Belakang**
- iv. **Pandangan Sisi**
- v. **Pandangan  $\frac{3}{4}$**

- o. Dengan watak tersebut, peserta dikehendaki melakar dan menghasilkan satu animasi pendek dengan menggunakan pendekatan papan cerita (storyboard) yang mengandungi sekurang-kurangnya 10 bingkai (frame).
- p. Peserta juga dikehendaki untuk menulis sinopsis animasi pendek tersebut.
- q. Pada bahagian belakang kertas penyertaan tersebut pastikan juga ditampal dengan butir-butir peserta yang diperolehi sewaktu pendaftaran:
- r. Peserta boleh menggunakan apa saja medium seperti pensel, pen, marker dan apa jua medium yang dirasakan sesuai.
- s. Peserta bertanggungjawab untuk membawa peralatan / medium lukisan sendiri dan pihak penganjur hanya menyediakan kertas lukisan sahaja.
- t. Segala karya yang dihantar adalah **menjadi hak penganjur iaitu Melaka ICT Holdings Sdn. Bhd. ( MICTH )** dan pihak penganjur berhak mengubahsuai watak itu mengikut keperluan.
- u. Pihak penganjur dan keluarga yang terdekat mereka tidak dibenarkan untuk menyertai pertandingan ini.
- v. Pemarkahan adalah mengambil kira keunikan, kualiti, nilai dan persembahan peserta.
- w. Pihak penganjur berhak untuk meminda peraturan-peraturan di atas.
- x. Keputusan panel hakim adalah muktamad.
- y. Untuk maklumat lanjut atau pertanyaan sila lawati [www.micth.com](http://www.micth.com)

## 5. **Hadiah**

Hadiah terbahagi kepada dua iaitu Hadiah Mengikut Siri dan Hadiah Utama.

### a. **Hadiah Mengikut Siri**

#### i. Kategori IPTA / IPTS ( Seluruh Malaysia )

- Tempat Pertama : RM 3,000 + sijil penghargaan
- Tempat Kedua : RM 2,000 + sijil penghargaan
- Tempat Ketiga : RM 1,000 + sijil penghargaan

#### ii. Kategori Terbuka (Terbuka kepada orang ramai yang menetap atau bekerja di Negeri Melaka )

- Tempat Pertama : RM 3,000 + sijil penghargaan
- Tempat Kedua : RM 2,000 + sijil penghargaan
- Tempat Ketiga : RM 1,000 + sijil penghargaan

### b. **Hadiah Utama**

Pemenang tempat pertama daripada setiap Kategori (IPTA/IPTS dan Terbuka) untuk setiap siri secara automatik akan dicalonkan untuk merebut hadiah utama.

#### i. Kategori IPTA/IPTS ( Seluruh Malaysia )

- Tempat Pertama : RM 7,000 + sijil penghargaan
- Tempat Kedua : RM 5,000 + sijil penghargaan
- Tempat Ketiga : RM 2,000 + sijil penghargaan

#### ii. Kategori Terbuka (Terbuka kepada orang ramai yang menetap atau bekerja di Negeri Melaka )

- Tempat Pertama : RM 10,000 + sijil penghargaan
- Tempat Kedua : RM 6,000 + sijil penghargaan
- Tempat Ketiga : RM 3,000 + sijil penghargaan